

Kesedaran sivik faham kepentingan pelihara, pulihara lautan perlu

DE 15.3.2018 3

Sherell Jeffrey

KOTA KINABALU: Kesedaran sivik untuk memahami kepentingan memelihara dan memulihara lautan dan maritim adalah perlu dalam memastikan kesinambungan pada masa hadapan.

Terutamanya bagi Kota Kinabalu, ibu negeri yang terletak di pinggir Segitiga Terumbu Karang, menjadi kawasan yang mempunyai biodiversiti marin tertinggi di dunia dengan 2,500 spesies ikan laut, 600 spesies karang keras, 34 peratus daripada terumbu karang dunia dan 30 peratus daripada hutan bakau di dunia.

Oleh itu, Institut Penyelidikan Marin Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan rakan strategiknya, Sutera Harbour Resort memulakan perjanjian penaja bersama dengan Jepsen and Jessen (SEA) untuk membuka jalan bagi projek pemuliharaan dan sains marin.

Projek yang bertemakan "Mengekalkan Warisan Marin Kota Kinabalu", menggabungkan sukarela korporat dan membiaya projek dalam memenuhi keperluan alam sekitar yang spesifik di rantau ini.

Penandatanganan itu dilakukan antara UMS yang diwakili oleh Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo Prof Dr Rossita Shapawi, Ketua Pegawai Operasi Sutera Harbour Group Kenneth Goi dan Pengerusi Jepsen dan Jessen (SEA) Heinrich Jessen.

Antara aktiviti yang akan dijalankan sepanjang projek ini termasuklah tinjauan terumbu karang dan ekosistem dan lawatan pantai untuk mendirikan pangkalan data asas keadaan dan kepelbagaian bio dari Sutera Harbour Resort, UMS dan Taman Tunku Abdul Rahman.

Majlis menandatangani perjanjian itu



JESSEN (kiri), Prof Dr Rossita (tengah) dan Kenneth pada majlis menandatangani perjanjian itu.

dilakukan semasa Persidangan Antara-bangsa Sains Marin dan Akuakultur yang dianjurkan oleh UMS di Magellan Sutera di sini, Rabu, dirasmikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau yang diwakili oleh Timbalan Ketua Setiausaha Agung Kementerian Prof Dr Ramzah Dambul.

Goi dalam ucapannya berkata projek itu akan menjadi 'Pojeq legasi' yang menghasilkan pangkalan data yang berharga bagi sektor awam dan swasta, dan untuk semua pihak berkepentingan, untuk menghargai dan bekerjasama, untuk melindungi warisan marin.

"Kami gembira untuk mempunyai rakan baik dan pejuang persekitaran, Kumpulan Jepsen & Jessen (SEA) untuk menaja projek ini," katanya.

Rossita dalam ucapannya berkata masalah yang dihadapi oleh lautan menjadi besar sejak permulaan zaman perindustrian kerana ia milik bersama tidak dimiliki oleh mana-mana negeri tunggal, sambil menambah bahawa sumber semula jadi yang dikongsi harus mendapat tanggungjawab bersama.

Beliau menambah terdapat keperluan untuk mentadbir urus bagi mengekalkan lautan untuk pelbagai kegunaan dengan cara yang mampan.

"Selama bertahun-tahun beberapa projek kami memberi tumpuan kepada ekosistem marin. Kami gembira bahawa Tahun Terumbu Karang Sedunia, satu lagi projek marin yang bermakna dapat dikekalpasti.

"Kami tidak berharap untuk projek

yang lebih sesuai untuk bekerjasama dengan organisasi seperti UMS dan Sutera Harbour Resort," katanya.

Sementara itu, Ramzah berkata pendekatan yang diambil dalam program itu unik kerana ia bukan sahaja memberi tumpuan kepada sains asas tetapi juga mengenai isu tadbir urus, isu-isu yang berkaitan dengan dasar dan bagaimana ia harus distrukturkan semula.

"Persidangan ini sangat strategik dan pendekatannya tepat pada masanya, kerana beberapa masalah yang dihadapi dalam penggubalan dasar di negara kita, terutamanya berhubung dengan pemuliharaan alam sekitar kita, jarang dimasukkan secara besar-besaran daripada saintis mereka yang lebih memahami ekosistem.

"Saya perasan ada jurang antara pembuat dasar dan ahli sains, kadang-kadang saintis terlalu fokus pada perkara-perkara sains asas, sedangkan pembuat dasar hanya tertakluk kepada pembuatan dasar.

"Saya fikir saintis juga perlu memahami proses dasar dan perumusan supaya mereka dapat memberikan input yang sesuai," katanya.

Beliau terus mengatakan bahawa antara keutamaan Kementerian adalah untuk memberikan input yang berkaitan dengan sains, teknologi dan inovasi yang berasal daripada pendapat pakar.

"Sekiranya kita memperolehnya, kita boleh membuat dasar untuk pemuliharaan alam sekitar dengan lebih baik ... kita tahu bahawa Sabah, salah satu tarikan atau sumber pendapatan datang dari pelancongan, dengan dasar yang lebih baik kita dapat menarik lebih banyak pelancong," katanya.